

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[ PADANG TERAP ]**

**SOALAN**

**DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [ PADANG TERAP ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi dan kaedah yang akan digunapakai bagi mengelakkan merebaknya virus COVID-19 sejenis genom super spreader iaitu virus berkenaan lebih cepat tersebar dengan lebih 80 peratus pesakit kelihatan sihat dan tidak menunjukkan sebarang gejala.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. “*Super-spreader*” adalah satu terminologi yang digunakan untuk menerangkan kebolehjangkitan seorang kepada ramai individu dengan mudah. Adalah sukar untuk membezakan jika seseorang itu adalah “*super-spreader*” atau tidak dari penampilan. Justeru itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak pernah mengambil ringan dalam pengurusan COVID-19 di Malaysia. Setiap kes akan ditangani sebaik mungkin.
2. KKM akan terus mengambil tindakan-tindakan yang akan membendung penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Antaranya adalah:

- i. Mempertingkatkan aktiviti pengesanan kes dan kontak secara aktif di lapangan bagi memastikan kesemua yang terlibat disaring dan diasingkan daripada komuniti;
- ii. Menjalankan aktiviti nyah kuman dan nyah cemar;
- iii. Mempertingkatkan penguatkuasaan pematuan Prosedur Operasi Standard (SOP);
- iv. Menekan pentingnya pematuan Prosedur Amalan Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- v. Memberi pendidikan kesihatan kepada masyarakat termasuklah nasihat-nasihat KKM;
- vi. Mempertingkatkan komunikasi risiko, termasuk memaklumkan situasi terkini COVID-19;
- vii. Meningkatkan kapasiti ujian makmal RT-PCR dan RTK Antigen;
- viii. Meningkatkan kapasiti katil di hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) termasuklah penyediaan hospital medan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Tawau;
- ix. Meningkatkan kapasiti katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan alat mesin bantuan pernafasan (ventilator);
- x. Meningkatkan kapasiti dan mobilisasi tenaga sumber manusia Perubatan dan Kesihatan Awam; dan
- xi. Penyumberluaran (outsourcing) perkhidmatan Perubatan bagi kes-kes bukan COVID-19.

3. Mengambil kira ketiadaan vaksin sehingga kini bagi mencegah dan merawat COVID-19, saranan dan nasihat yang sering ditekankan oleh KKM haruslah dipatuhi kerana ini merupakan tanggungjawab sosial yang patut diamalkan sebagai usaha bersama mengekang jangkitan COVID-19. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- Elakkan 3S / 3C; iaitu elakkan kawasan yang sesak (*Crowded place*), elakkan kawasan yang sempit (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).

- Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam dan:
  - Amalkan etika batuk dan bersin;
  - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
  - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
  - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.
  
- Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:
  - S: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
  - O: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
  - P: Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.